A

HASMALIZZA RAMLI lwn. FARIDAH DERAMAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
ZAINAL AZMAN AZIZ H
[RAYUAN SIVIL NO: TA-12BNCVC-9-07-2015]
B 1 FEBRUARI 2017

TORT: *Liabiliti vikarius – Liabiliti Kerajaan – Tort oleh kakitangan Kerajaan – Pegawai penyiasat melakukan tort pencerobohan ke atas plaintif – Sama ada Kerajaan bertanggungan atas perbuatan pegawai penyiasat – Samin Hassan v. Government of Malaysia – Sama ada pegawai penyiasat adalah 'frolic of his own' – Sama ada Kerajaan bertanggungan secara vikarius*

C

Sarjan Che Sulaiman ('si mati') dipertuduh bawah s. 354 Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kata-kata lucah terhadap plaintif dan menarik tangan plaintif dan meletakkannya di kemaluan si mati. Si mati seterusnya memegang buah dada, punggung dan kemaluan plaintif sambil mencium mulut plaintif secara paksa ('kejadian tersebut'). Kejadian tersebut berlaku ketika rakaman percakapan plaintif kepada si mati, yang pada masa itu, bertugas sebagai pegawai penyiasat. Si mati diwakili oleh isterinya ('defendan pertama'). Plaintif mendakwa bahawa Ketua Polis Daerah Marang dan Kerajaan Malaysia ('defendan kedua dan ketiga') bertanggungan secara vikarius atas segala tindakan, kecuaian dan perbuatan si mati yang diwakili defendan pertama. Di akhir perbicaraan, Mahkamah Majistret membenarkan tindakan plaintif terhadap defendan pertama tetapi telah menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua dan ketiga. Atas rayuan, defendan kedua dan ketiga didapati bertanggungan secara vikarius. Tidak berpuas hati, defendan kedua dan ketiga memfailkan rayuan atas alasan bahawa defendan kedua dan ketiga adalah tidak bertanggungan atas perbuatan si mati kerana perbuatan si mati adalah 'frolic of his own' bersandarkan kes *Samin Hassan v. Government of Malaysia.*

D

E

F

G **Diputuskan (membenarkan rayuan plaintif terhadap tuntutan ganti rugi teladan bagi defendan kedua dan ketiga terhadap si mati):**

[1] Fakta kes ini berbeza dengan fakta kes *Samin* kerana kejadian dalam kes tersebut berlaku di luar pejabat tanpa izin penyelianya. Dalam fakta kes ini, perbuatan pencerobohan terhadap plaintif berlaku di balai polis dan di dalam bilik si mati yang pada masa material bertindak sebagai pegawai penyiasat yang sedang merakam percakapan plaintif. Oleh itu, pada masa material, si mati adalah seorang pegawai polis yang merupakan kakitangan Kerajaan Malaysia dan tugas siasatan tersebut dilakukan dalam tugas harian sebagai pegawai penyiasat. Maka defendan kedua dan defendan ketiga sebagai majikan si mati bertanggunggan secara vikarius. (peranggan 16 & 17)

H

I

Kes-kes yang dirujuk:
Rose v. Plenty [1976] 1 All ER 97 ***(dirujuk)***
Samin Hassan v. Government of Malaysia [1976] 1 LNS 139 FC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 354

Bagi pihak perayu - Nurhanisah SH Sahul Hamid; Peguam Persekutuan Negeri Terengganu
Bagi pihak responden - Shaharuddin Mohamed; T/n Shaharuddin Hidayu & Marwaliz

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Zainal Azman Aziz H:

Pengenalan

[1] Plaintif memfailkan tindakan terhadap pencerobohan yang dilakukan oleh Sjn Che Sulaiman bin Che Sof (si mati yang diwakili oleh defendan pertama iaitu isterinya bernama Faridah binti Deraman) ke atas diri plaintif yang berlaku pada 4 Ogos 2011 jam 3.30 pagi di IPD Marang semasa plaintif memberikan rakaman percakapan kepada si mati yang pada masa itu bertugas sebagai seorang pegawai penyiasat.

[2] Plaintif mendakwa bahawa semasa si mati mengambil keterangannya di Balai Polis Marang si mati telah mengeluarkan kata-kata lucah terhadap plaintif dan membuka zip seluar si mati sehingga menampakkan seluar dalam yang dipakainya. Si mati kemudiannya telah menarik tangan plaintif dan meletakkannya di kemaluan si mati. Si mati seterusnya telah memegang buah dada, punggung dan kemaluan plaintif sambil mencium mulut plaintif secara paksa.

[3] Plaintif mendakwa defendan kedua dan defendan ketiga iaitu Ketua Polis Daerah Marang dan Kerajaan Malaysia adalah bertanggung secara vikarius atas segala tindakan, kecuaian dan perbuatan si mati yang diwakili oleh defendan pertama.

[4] Si mati kemudiannya telah dituduh di bawah s. 354 Kanun Keseksaan di Mahkamah Majistret Marang pada 3 Julai 2012. Namun begitu pertuduhan telah dihentikan kerana si mati telah meninggal dunia pada 26 November 2013 sebelum perbicaraan di bawah pertuduhan tersebut berakhir.

[5] Peguam Persekutuan mengaku mereka hanya mewakili defendan kedua dan ketiga sahaja di dalam tindakan ini. Satu penghakiman ingkar pembelaan telah dimasukkan oleh plaintif terhadap si mati pada 4 Disember 2012.

[6] Di akhir perbicaraan mahkamah telah membenarkan tindakan plaintif terhadap defendan pertama dengan ganti rugi am sebanyak RM20,000 dan ganti rugi teladan sebanyak RM100,000.

[7] Mahkamah bagaimanapun telah menolak tuntutan plaintif terhadap defendan kedua dan ketiga atas alasan defendan kedua dan ketiga tidak bertanggung vikarius terhadap perbuatan si mati.

[8] Mahkamah ini yang mendengar rayuan oleh pihak plaintif telah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan kedua dan ketiga di mana defendan kedua dan ketiga adalah bertanggung vikarius terhadap si mati dan dengan itu membenarkan ganti rugi teladan sebanyak RM200,000.

[9] Mahkamah juga mengekalkan ganti rugi teladan terhadap defendan pertama sebanyak RM100,000 yang mana ianya wajar dan munasabah.

[10] Defendan kedua dan ketiga yang tidak berpuas hati akan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi telah memfailkan rayuan ini atas isu bahawa defendan kedua dan ketiga adalah tidak bertanggung atas perbuatan si mati kerana perbuatan si mati adalah "frolic of his own".

Pertimbangan Mahkamah

[11] Tidak dinafikan bahawa di dalam kes ini pihak defendan kedua dan ketiga bergantung banyak kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Samin Hassan v. Government of Malaysia* [1976] 1 LNS 139; [1976] 2 MLJ 211 di mana mahkamah memutuskan antara lain:

> In this case it had been held in the High Court that the driver of a Telecoms Department Land. Rover was negligent and thereby caused injuries to the Appellant. The learned trial judge also found that at the material time the driver of the Land Rover was not a servant or agent of the Government. At the trial the driver had stated that he took out the Land Rover for a trial run to test its brakes and that in the course of the trial run he had stopped at his house for lunch and that when the accident occurred he was returning to the depot where the vehicle was normally kept. The learned trial judge found that on the evidence there was no defect which made the trial run necessary and that the driver had not obtained the permission of his supervisor to take the Land Rover out. He found as a fact that the driver had taken out the Land Rover for his own purpose which was clearly to go home for lunch and that in doing so he had no permission and was driving on his own and that he was at the material time not driving as a servant or agent of the Government. The appellant appealed to the Federal Court. The Federal Court held that: dismissing the appeal, the Appellate Court could not disturb the finding of the learned trial judge and in view of the law applicable, the employers, the Government, were not liable.

[12] Hakim Suffian telah merujuk kepada kes *Rose v. Plenty* [1976] 1 All ER 97 di mana Hakim Lord Denning telah menyatakan antara lain: A

> In considering whether a prohibited act was within the course of employment, it depends very much on the purpose for which it is done. If it is done for his employers' business, it is usually done in the course of his employment, even though it is a prohibited act. But if it is done B for some purpose other than his master's business, as for instance, giving a lift to a hitchhiker, such an act, if prohibited may not be within the course of his employment.

[13] Mahkamah Persekutuan juga telah menyatakan bahawa:

> Returning to the facts of this present case, the learned trial judge had C found that the brakes of the Land Rover did not require attention, that the 1st defendant had no permission to take the Land Rover out to test its brakes, that the 1st defendant had taken it out in order to go home for his lunch, and that that purpose was his own purpose and not the purpose of the Government. D

[14] Walau bagaimanapun fakta kes *Samin* boleh dibezakan dengan fakta kes di hadapan mahkamah ini. Di dalam kes *Samin*, hakim bicara telah memutuskan bahawa pemandu Land Rover adalah cuai terhadap kecederaan kerana pada masa material pemandu Land Rover tersebut bukanlah agen atau pun kakitangan Kerajaan kerana ia telah membawa keluar Land Rover E tersebut untuk diuji breknya dan semasa itu telah berhenti seketika di rumahnya untuk makan tengah hari dan kemalangan berlaku semasa dia hendak pulang ke depot di mana kenderaan tersebut disimpan. Oleh itu, tiada keperluan baginya untuk menjalankan ujian tersebut malahan ia tidak mendapat apa-apa izin daripada penyelia untuk membawa Land Rover tersebut keluar. Fakta bahawa ia keluar untuk makan tengah hari dengan F tidak mendapat izin daripada penyelia adalah jelas bukan sebagai agen atau pun kakitangan Kerajaan.

[15] Berbeza di dalam kes ini sewaktu kejadian plaintif sedang dirakam percakapannya oleh si mati yang bertindak sebagai seorang pegawai G penyiasat dan semasa rakaman tersebut si mati telah menceroboh plaintif dengan memegang badan serta mencium mulut plaintif. Jelas bahawa perbuatan tersebut berlaku di bilik siasatan di IPD Marang dan si mati sememangnya bertugas sebagai seorang pegawai penyiasat semasa itu dan perlakuan pencerobohan tersebut berlaku di pejabat. H

[16] Dengan itu mahkamah memutuskan bahawa fakta kes ini amat berbeza dengan fakta kes *Samin* di mana ianya berlaku di luar pejabat dan kenderaan tersebut telah dibawa keluar tanpa izin penyelianya. Justeru itu, perbuatan pemandu Land Rover di dalam kes *Samin* adalah bertepatan dengan perbuatan "a frolic of his own" dan dengan itu pihak Kerajaan tidak I bertanggung apa-apa tanggung vikarius terhadap perbuatan pemandu Land Rover tersebut.

[17] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini perbuatan pencerobohan terhadap plaintif telah berlaku di Balai Polis Marang dan di dalam bilik si mati yang pada masa material bertindak sebagai pegawai penyiasat yang sedang merakam percakapan plaintif. Oleh itu, pada masa material si mati seorang pegawai polis yang merupakan kakitangan Kerajaan Malaysia dan tugas siasatan tersebut adalah dilakukan dalam tugas seharian sebagai pegawai penyiasat apabila si mati melakukan pencerobohan terhadap plaintif sewaktu rakaman percakapan tersebut. Maka defendan kedua dan ketiga sebagai majikan kepada si mati adalah bertanggung secara vikarius kepada si mati dan dengan itu bertanggung kepada apa-apa pencerobohan yang dilakukan oleh si mati terhadap plaintif semasa rakaman percakapan tersebut.

Keputusan Mahkamah

[18] Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa perbuatan si mati yang telah melakukan pencerobohan fizikal terhadap plaintif di dalam bilik si mati di IPD Marang sewaktu rakaman percakapan plaintif maka defendan kedua dan ketiga seharusnya bertanggung secara vikarius kepada plaintif.

[19] Dengan itu, mahkamah membenarkan tuntutan ganti rugi teladan terhadap defendan kedua dan ketiga bagi jumlah RM200,000 kepada plaintif atas perbuatan si mati yang telah melakukan pencerobohan kepada plaintif sewaktu si mati sedang menjalankan tugas rasminya sebagai pegawai penyiasat yang mana telah mengambil kesempatan untuk melakukan tindakan pencerobohan ke atas plaintif.

[20] Dengan itu, rayuan plaintif terhadap tuntutan ganti rugi teladan bagi defendan kedua dan ketiga terhadap si mati adalah dibenarkan manakala rayuan balas defendan terhadap keputusan mahkamah yang membenarkan ganti rugi teladan sebanyak RM100,000 adalah ditolak.